

# KENYATAAN MEDIA

## PENJELASAN KOS PEMBINAAN PROJEK MRT

**Kuala Lumpur, 24 Disember 2016:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menyatakan rasa kekecewaan di atas percubaan mempolitikkan Projek MRT Lembah Klang yang telah melibatkan penyebaran maklumat palsu dan nilai kos bagi Projek baru-baru ini.

Dalam tempoh satu minggu sejak perkhidmatan Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) mula beroperasi, kira-kira 210,000 penumpang telah menggunakan perkhidmatan ini, menunjukkan perkhidmatan ini telah disambut dengan penuh rasa semangat dan keterujaan dari orang ramai.

Walaupun terdapat banyak fakta mengenai manfaat bagi Projek MRT, YB Rafizi Ramli telah menyifatkan Projek MRT Lembah Klang sebagai projek yang tidak baik. Bagaimanapun, beliau tidak memberi apa-apa penjelasan berkaitan mengapa sistem pengangkutan awam yang telah diperbaiki adalah tidak baik untuk orang ramai.

Salah satu dakwaan yang telah dibuat berkaitan dengan Projek MRT Lembah Klang, adalah nilai RM40 bilion yang telah didakwa sebagai "bajet asal" projek. Kami ingin menjelaskan di sini bahawa nilai ini telah dinyatakan daripada cadangan yang dikonsepskan pada Tahun 2010 dan oleh itu, ia adalah tidak lagi relevan untuk digunakan sebagai perbandingan dengan Projek semasa yang akhirnya dapat direalisasikan.

Nilai RM40 bilion adalah pada asalnya dikemukakan dalam satu cadangan sektor swasta untuk ketiga-tiga laluan Projek MRT Lembah Klang (yang akan dibina secara serentak) kepada Kerajaan pada Tahun 2010 dan ia berdasarkan nilai harga pada Tahun 2009. Walau bagaimanapun, kos RM40 bilion tidak termasuk tren-tren elektrik dan sistem-sistem berkaitan dan juga pengambilan tanah.

Mahupun begitu, selepas ia dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Kerajaan telah mengkaji semula dan menjalankan kajian ke atas cadangan yang diusulkan. Kajian yang telah dibuat pada Tahun 2010 menyebabkan model bagi Projek MRT Lembah Klang berubah dengan ketara.



Bertentangan dengan komen YB Rafizi, Projek MRT Lembah Klang seperti yang dapat kita lihat pada hari ini bukan sebuah projek yang diswastakan, ia adalah projek yang dimiliki sepenuhnya dan dibiayai oleh Kerajaan, menerusi MRT Corp.

Pada akhir Tahun 2010, Kerajaan telah meluluskan pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, laluan pertama bagi Projek MRT Lembah Klang. Laluan SBK adalah laluan pertama dijalankan di mana jajaran yang dicadangkan telah menjalani banyak kajian dibuat oleh pihak-pihak lain sebelum penyerahan cadangan konsortium.

Semasa Laluan SBK dan proses perolehan diluluskan, MRT Corp telah mengumumkan pada Disember 2012 bahawa bajet bagi kos pembinaan Laluan SBK adalah RM23 bilion.

Begitu juga, MRT Corp mencapai anggaran kos pembinaan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) sebanyak RM32 bilion berdasarkan tender-tender yang telah dianugerahkan bagi pembinaan laluan. Kesemua tender bagi kedua-dua laluan, Laluan SBK dan Laluan SSP telah dianugerahkan menerusi sistem tender terbuka.

Bagi cadangan MRT Laluan 3, juga dikenali sebagai Laluan Lingkaran, MRT Corp sering menyatakan kajian kebolehlaksanaan bagi laluan itu sedang dijalankan. Keputusan dijangka akan diumumkan pada suku pertama Tahun 2017.

Oleh itu, adalah mustahil bagi MRT Corp untuk memberi kos anggaran bagi MRT Laluan 3. Sebarang nilai yang telah dilaporkan bagi MRT Laluan 3 adalah spekulasi semata-mata dan muncul dari sumber-sumber luar dan bukan dari MRT Corp. Oleh yang demikian, sebarang dakwaan bahawa nilai kos MRT Laluan 3 yang telah diumumkan oleh MRT Corp adalah salah sama sekali.

Kami berasa kecewa dengan YB Rafizi yang cuba mempolitikkan projek yang jelas memberi manfaat kepada orang ramai. Bagaimanapun, MRT Corp akan terus memberi tumpuan bagi memastikan Laluan SBK beroperasi dengan lancar dan Fasa Kedua projek siap tepat pada waktunya.

MRT Corp juga akan memberi tumpuan sepenuhnya bagi memastikan pembinaan Laluan SSP diserahkan tepat pada waktunya dan dibina dalam kos yang telah ditetapkan.

-tamam/-



***Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:***

***Encik Leong Shen-Li  
MRT Corp***

***012-3196602 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)***

***Cik Amalina Ghazali  
MRT Corp***

***016-2154055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)***